

PUSTAKA BULETIN PNM



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BILANGAN 2/2023

MEI - OGOS 2023
ISSN: 0128-8679



PROGRAM KLIK 
eUSAHAWAN@PD

Menarik di dalam



www.pnm.gov.my



Keterangan gambar muka hadapan:

Majlis Perasmian Program Klik eUsahawan@PD

©Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Buletin Pustaka / Perpustakaan Negara Malaysia,
-1985 -
- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara
Malaysia, 1985 - .Tahunan
ISSN 0128-8679
1.Libraries, National --Malaysia.
2.Corporation reports.

Sidang Redaksi PUSTAKA

Buletin PNM

Penaung

Puan Salasiah binti Abdul Wahab

Ketua Editor

Puan Suhaila binti Abd Rahman

Editor

Encik Rowland Arah

Encik Mohd Shah bin Abu Kassim

Koordinator Penerbitan

Encik Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff

Puan Noor Marfazila binti Mohamad Fahmy

Puan Nur Amirah binti Anuar

Penolong Koordinator Penerbitan

Cik Nur Amalina binti Mohamad

Encik Ahmad Zaki bin Zakaria

Terbitan:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

+603-2687 1700

www.pnm.gov.my

PerpustakaanNegaraMalaysia

PNM_Rasmi

pnm_rasmi

pnmytube

PNMRasmi

pnmsaluransosial2

pnm_rasmi

KANDUNGAN PUSTAKA

Buletin PNM

Jom Baca Bersama 10 Minit: "Baca Bina Insan"	01	Sekalung penghargaan & terima kasih	10
Program Kembara Ilmu Peringkat Kebangsaan	03	Pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat PNM	10
Program Kembara Ilmu Peringkat Negeri Pulau Pinang	04	Jawatankuasa <i>International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)</i>	10
Temu bual "Apa Khabar Malaysia"	04	Wacana Manuskrip Melayu Bil. 3/2023	11
Panggilan Kertas Kerja JFM	05	Anugerah Petugas Kaunter Cemerlang PNM	12
Tahukah Anda?	05	Wacana Manuskrip Melayu Bil. 1/2023	13
Penulisan Kreatif: Merdeka Malaysia MADANI	06	Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2023	13
Lawatan Kerja Rasmi PD Kg. Hulu Chucoh, Selangor	06	Majlis Penutup Program Pensijilan Konservasi Manuskrip Melayu	14
Diskusi Digital@PNM2023 Siri 1 Kenderaan Elektrik: Pengenalan dan Penerimaan di Malaysia	07	Program Klik eUsahawan@PD	15
Diskusi Digital@PNM2023 Siri 2 Di sebalik tabir animasi di Malaysia	08	Semarak Merdeka: Warisan & Wawasan	18
Mesyuarat Permukiman Analisis Pencapaian Pelan Strategik PNM 2019-2023	09	Festival Sastera Kanak-Kanak (FSK): Cerita Warisan Kita	19
Penganugerahan Pingat Peringatan Jubli Intan	10	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023	22
		Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023	25
		Kunjungan Hormat PERPUSNAS	26
		Kenduri Rakyat@PNM	27
		Mesyuarat Pembukaan Audit Dalam MS ISO 9001:2015	27
		Mesyuarat Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (PERPUN) Bil.1/2023	28
		Kunjungan Hormat Pengarah IKIM	28
		Kontinjen Perpaduan Malaysia Madani Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2023	28



2023

INFO INTEGRITI

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Ketahui HAK ANDA dan LAPORKAN

- Penyalahgunaan Kuasa
- Gangguan Seksual
- Penyelewengan Kewangan
- Rasuah
- Tuntutan palsu
- Salah laku

SALURAN ADUAN RASMI ANDA



integriti@pnm.gov.my



Hubungi talian

03 - 2687 4329



e-borang

www.pnm.gov.my
"Hubungi Kami"



Surat atau hadir

Ketua Unit Integriti
Tingkat 14, Menara PNM
Perpustakaan Negara
Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur



ANDA

DILINDUNGI!



www.pnm.gov.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](https://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia)



[PNM_Rasmi](https://twitter.com/PNM_Rasmi)



[pnm_rasmi](https://www.instagram.com/pnm_rasmi)



[pnmytube](https://www.youtube.com/pnmytube)



[PNMrasmi](https://www.telegram.com/PNMrasmi)



[pnmsaluranSosial2](https://www.pnmsaluranSosial2)



[pnm_rasmi](https://www.tiktok.com/pnm_rasmi)

KANDUNGAN PUSTAKA

Buletin PNM

Mesyuarat dan Lawatan Kementerian Perpaduan Negara (Projek Pembangunan PNM)	29
<i>Town Hall</i> Perbincangan Hala Tuju PNM	30
PNM Terlajak Raya	31
Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM Bil. 1/2023	32
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Perpustakaan Desa PNM	32
Lawatan Kerja Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah	33
Jawatankuasa <i>International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) 2023</i>	33
Hari Terbuka Parlimen	34
Belasungkawa	34
Di sebalik Tabir...	34
Sesi Temu Ramah Radio Sarawak	36
Mari Adik ke PD	36
Lawatan Kerja Ketua Pengarah	36
Liputan Akhbar Mingguan Wilayahku	37
Liputan Akhbar Berita Harian	38
Lawatan Peserta Kursus MTCP	39
Ini Warisan Kita - Melestarikan Perpaduan	39
Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Pegawai Bahagian Penyelidikan, JPM	39
Mutiara Kata	40
Promosi EKSA	41
Kaedah Pembelian Buku Terbitan PNM	42





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2023

"BACA BINA INSAN"

18 Mei 2023

#malysiamembaca







www.jom.gov.my
[Facebook](https://www.facebook.com/jom_baca_bersama)
[Instagram](https://www.instagram.com/jom_baca_bersama)
[YouTube](https://www.youtube.com/jom_baca_bersama)
[TikTok](https://www.tiktok.com/jom_baca_bersama)



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) telah menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2023 pada 18 Mei 2023 secara hibrid di Aras 10, Menara PNM dan bersiaran langsung menerusi PNM TV Channel.

Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun. Program ini merupakan satu kaedah untuk menggalakkan pembacaan dan memaklumkan kepada masyarakat umum terutamanya pengkarya dan penerbit mengenai penerbitan serta perlindungan harta intelek melalui Akta Hak Cipta.

"Baca Bina Insan" merupakan tema yang diangkat bagi penganjuran kali ini yang membawa pengertian bahawa melalui pembacaan dapat mendidik jiwa setiap manusia menjadi insan yang mempunyai perasaan empati, kasih sayang, hormat menghormati dan taat kepada agama.

Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2023 telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab. Beliau dalam ucapan perasmianya berkata "budaya membaca wajar dijadikan sebagai satu gaya hidup dalam masyarakat MADANI kerana amalan membaca adalah pemangkin kepada kemajuan bangsa dan negara."

Tambah beliau, "dengan adanya masyarakat MADANI yang berbudaya membaca, negara kita akan mempunyai rakyat yang berminda aktif, kreatif dan berinovasi selain mengaktifkan minda mereka untuk berfikir dengan lebih waras, fokus, terbuka dan mampu melahirkan warganegara yang berkebolehan melihat sesuatu daripada pelbagai perspektif berbeza."

Jom Baca 10 Minit merupakan inisiatif ke arah membentuk masyarakat minat membaca walaupun dalam tempoh yang singkat iaitu selama 10 minit, namun sekiranya dibudayakan secara konsisten akan mengubah tabiat membaca rakyat Malaysia. Program ini merupakan program yang dijayakan secara kolaboratif oleh sektor perpustakaan di Malaysia serta disokong oleh Kementerian /Jabatan/Agensi Kerajaan, Swasta dan NGO bagi memperkasa pembudayaan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Pengisian program Jom Baca kali ini menampilkan figura hebat iaitu YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Profesor dan Penyandang Kursi AL-Ghazali ISTAC-IIUM sebagai penceramah slot bertajuk "Membaca sebagai Alat Mencapai Kebahagiaan".

Dalam masa yang sama, PNM turut menjalankan Sesi Bercerita Kanak-Kanak yang dikendalikan oleh Puan Zuhairah Ali, Aktivis Kanak-Kanak dan Pencerita Buku Kanak-Kanak di Perpustakaan Kanak-Kanak PNM.

PNM berharap supaya rakyat Malaysia terus meningkatkan amalan membaca secara konsisten dan menambah bilangan buku-buku untuk dibaca bagi peningkatan kemahiran diri.

“BACA BINA INSAN”

JOM
baca
bersama



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Pustaka Negeri Sarawak (PNS), Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Jabatan Muzium Sarawak (JMS) telah menganjurkan Program Kembara Ilmu sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2023 Peringkat Kebangsaan pada 20 Mei 2023.

Sesi *flag off* telah disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang pada pukul 7.20 pagi di Kuching Waterfront.

Objektif penganjuran program ini adalah pernyataan komitmen PNM dalam menyokong pelaksanaan Sustainable Development Goals (SDG) UNESCO bagi sasaran ke-4 iaitu memastikan pendidikan berkualiti secara inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.

Program yang berkonsepkan *infohunt* bertemakan 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian' memerlukan peserta bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain untuk menyelesaikan tugas pencarian maklumat yang telah ditetapkan. Pada penganjuran kali ini, peserta telah mengembara ke empat (4) lokasi menarik dan bersejarah di sekitar bandar raya Kuching iaitu Tugu Pahlawan, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Warisan Islam dan check point terakhir di Borneo Cultures Museum.

Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Program Kembara Ilmu bertempat di Auditorium Borneo Cultures Museum. Seramai 80 orang peserta dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) sekitar Kuching, Sarawak telah menyertai program ini





SIARAN LANGSUNG TEMU BUAL
apa khabar
MALAYSIA
“DIDIK ANAK CINTAI BUKU”

Puan Suhaila Abd Rahman, Pengarah Perkhidmatan Korporat, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah bersiaran langsung dalam program bual bicara pagi iaitu Apa Khabar Malaysia pada 1 Jun 2023 (Khamis) bertempat di Studio MMD, Wisma Bernama.

Didik Anak Cintai Buku merupakan topik perkongsian yang diketengahkan. Peranan PNM sebagai penggerak budaya ilmu menerusi budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia meliputi setiap peringkat umur yang dapat memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan melalui strategi khusus iaitu menerusi pembacaan.



SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2023
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG


Program Kembara Ilmu sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang pada 26 Mei 2023.

Sesi *flag off* Program Kembara Ilmu Sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Turut mengiringi, Tuan Haji Mohd. Pisol bin Ghadzali, Ahli Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

Peserta Kembara Ilmu mengembara ke tiga (3) lokasi menarik di sekitar Pulau Pinang iaitu Kampung Terus, Robina Eco Park dan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh YB Dr. Ir Hj. Ahmad Zakiiyudin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang diiringi oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM bertempat di PICCA Convention Centre @ Butterworth Arena, Ampang Jajar, Pulau Pinang.





PANGGILAN KERTAS KERJA JFM JURNAL FILOLOGI MELAYU



TOPIK

PENYELIDIKAN ATAU KAJIAN
MANUSKRIP MELAYU DALAM
PELBAGAI BIDANG PERKARA



TARIKH TUTUP

30 JUN 2023



GARIS PANDUAN

SILA IMBAS KOD QR



PERTANYAAN

PUAN JAMILIANA JAMIL
03-2687 1755
jamiliana@pnm.gov.my

PUAN NORAAIN SEMAT
03-2687 1757
noraainsemat@pnm.gov.my


TAHUKAH ANDA? Pena yang digunakan oleh cendekia silam untuk menulis

Pena Batang Resam

Pena daripada pokok resam (*gleichenia linearis*) atau spesies paku pakis sering digunakan oleh cendekia silam untuk menulis. Kebiasaannya, mereka akan mencari bahan yang mudah diperolehi di sekitar lokaliti mereka. Pena resam ini akan menghasilkan tulisan kaligrafi yang sangat halus dan lazimnya digunakan untuk menulis manuskrip Melayu serta menyalin naskhah Al-Quran.

Rujukan:
Warisan Manuskrip Melayu (Ed. Ke-2) (2019).
Perpustakaan Negara Malaysia: Kuala Lumpur





Penulisan Kreatif

Merdeka Hati Malaysia MADANI

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN) telah menganjurkan Program Penulisan Kreatif: Merdeka Hati Malaysia Madani pada 24 Julai 2023 (Isnin). Program ini telah berlangsung di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Raub, Pahang.

Seramai 61 orang peserta telah mengikuti program tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan berkeperluan khas ini untuk menunjukkan bakat dan minat dalam bidang penulisan. Selain itu, program yang bertemakan merdeka hati ini merupakan satu wadah bagi peserta untuk berkongsi pengalaman hidup serta memupuk minat membaca dalam kalangan penghuni PUSPEN.

Penceramah undangan bagi program ini adalah Puan Zalila Isa. Beliau merupakan Editor dan Penulis daripada Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

Program menyantuni golongan berkeperluan khas ini dapat menyuntik semangat pembinaan jati diri menerusi penulisan dan memastikan penghuni PUSPEN mendapat peluang yang sama rata tanpa mengira latar belakang sosial mereka.



Puan Zalila Isa selaku penceramah jemputan sedang menyampaikan teknik penulisan cerpen kepada peserta.



Taklimat program yang disampaikan oleh Cik Azfaridita Zainal Abidin kepada penghuni PUSPEN yang turut serta dalam program penulisan kreatif.

Lawatan Kerja Rasmi ke Perpustakaan Desa Kg Hulu Chucoh Selangor

Perpustakaan Desa Kampung Hulu Chucoh, Selangor telah menerima kehadiran YBhg. Dato' Dr. Hj. Othman bin Che Jusoh, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Perbadanan Labuan pada 22 Julai 2023.

Sesi lawatan kerja rasmi ini bertujuan untuk beramah mesra dengan pengunjung perpustakaan.



Diskusi Digital@PNM 2023 SIRI 1



Kenderaan Elektrik: Pengenalan dan Penerimaannya di Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Bahagian Sumber Elektronik (BSE) telah menganjurkan Program Diskusi Digital@PNM 2023 Siri 2 pada 09 Mei 2023 yang bertemakan Kereta Elektrik (EV): Pengenalan dan Penerimaannya di Malaysia. Program ini dilaksanakan secara hibrid di Aras 10, Menara PNM dan bersiaran langsung menerusi PNM TV Channel.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang ramai berkaitan teknologi kenderaan elektrik dan melihat sejauh mana penerimaannya dalam kalangan rakyat Malaysia. Perkembangan industri kenderaan elektrik (EV) dilihat sebagai subsektor yang berimpak tinggi dalam memacu industri kejuruteraan, sains dan teknologi bidang automotif negara.

Antara pengisian menarik pada program adalah lintas langsung dari perkarangan tempat meletak kenderaan aras 5, Menara PNM dan dipaparkan terus ke skrin LED yang terdapat di Aras 10. Sesi temu bual ini dikendalikan oleh pengacara PNM, Cik Jasreena Jamil bersama Puan Aishah Daniyal yang merupakan seorang pengguna kenderaan elektrik mengulas lanjut mengenai spesifikasi dan ciri-ciri kereta elektrik.

Perbincangan santai bersama tiga (3) orang ahli panel yang terdiri daripada Dato' Hj. Shamsuddin Hj. Amran, wakil syarikat pengedar kenderaan elektrik Bermaz Auto Bhd.; Encik Navaraja Thevar a/l Rajendren, wakil syarikat pengecasan kenderaan elektrik Chargehere EV Solutions Sdn Bhd dan Puan Aishah Daniyal, Setiausaha Kehormat Zero Emission Vehicle Association (ZEVA).



Pengacara lintas langsung, Cik Jasreena Jamil bersama Puan Aishah Daniyal selaku pemilik kenderaan elektrik.

Seramai 80 orang peserta telah hadir secara bersemuka terdiri daripada pelajar dan pensyarah yang mengikuti pengajian berkaitan automotif serta kakitangan PNM. Program ini membuka ruang kepada peserta untuk melihat sejauh mana kesediaan infrastruktur pengecasan EV, kos pembelian dan penyelenggaraan, dasar kawal selia dan kepakaran teknikal untuk penyenggaraan kenderaan EV

Diskusi Digital@PNM 2023 SIRI 2



Di sebalik tabir animasi di Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Bahagian Sumber Elektronik (BSE) telah menganjurkan Program Diskusi Digital@PNM 2023 Siri 2 pada 25 Julai 2023 yang bertemakan Di Sebalik Tabir Animasi di Malaysia. Program ini dilaksanakan secara hibrid di Aras 10, Menara PNM dan bersiaran langsung menerusi PNM TV Channel.

Sesi bual bicara santai ini membahaskan dan mengupas lebih lanjut mengenai kerja-kerja juruanimasi di Malaysia. Program ini dimudahcarakan oleh Encik Tamimi Taib selaku moderator dan bersama-sama tiga (3) orang ahli panel berpengalaman luas dalam bidang animasi.

Panel jemputan seperti berikut:

- Encik Khairur Rizal Jalani merupakan salah seorang juruanimasi bagi animasi Keluang Man dan salah seorang suara latar bagi animasi The Amazing Awang Khenit;
- Encik Mohd Hafeez Hj. Salleh merupakan seorang juruanimasi yang pakar dalam bidang *Visual Effects* (VFX) serta pernah bekerjasama di Hollywood bagi filem Star Wars: Mandalorian Season 1; dan,
- Encik Fayrus Efendy Haruddin yang mempunyai pengalaman dalam bidang multimedia turut terlibat dalam menghasilkan video promosi NIKE Surface Air.

Juruanimasi turut mengambil kira pandangan masyarakat dalam penghasilan sesuatu karya animasi yang berkualiti bagi menepati citarasa rakyat tempatan. Usaha juruanimasi dalam menonjolkan elemen prop-prop klasik dan simbolik kebangsaan identiti negara merupakan elemen unik yang mampu menarik minat penonton bukan sahaja bagi peminat animasi tempatan malah di peringkat global.

Impak keberkesanan program ialah memberi pengetahuan dan pemahaman mengenai industri animasi di Malaysia. Program ini turut memberi penghargaan kepada karya animasi yang dihasilkan oleh anak tempatan.



MESYUARAT PERMUKIMAN ANALISIS PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK PNM 2019-2023 (TEMPOH: JANUARI - JUN 2023)



Mesyuarat Permukiman Analisis Pencapaian Pelan Strategik PNM 2019-2023 telah diadakan pada 27 Julai 2023 bertempat di Aras 10, Menara PNM. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah PNM mewakili Ketua Pengarah PNM. Turut hadir barisan Pengurusan PNM, pegawai - pegawai kanan bahagian dan urus setia mesyuarat.



Mesyuarat ini khusus diadakan bagi menganalisis dan merumuskan pencapaian Interim Pertama Januari hingga Jun 2023 sekaligus memperincikan dan menambah baik perancangan sedia ada bagi mencapai sasaran untuk Interim Kedua (Julai – Disember 2023).

Ini sekaligus akan membawa PNM ke tahap yang lebih cemerlang dan berdaya saing dalam memberi fokus kepada "the best strategic planning practices" dalam sektor awam sejajar dengan Perancangan lima (5) Tahun Pembangunan Negara di bawah RMK-12 (tahun 2021 – 2025) dan RMK-13 (tahun 2026 – tahun 2030).





Penganugerahan Pingat Peringatan Jubli Intan

YB Dato Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dikurniakan Pingat Peringatan Jubli Intan bersempena 60 Tahun Sarawak Merdeka dalam majlis penganugerahan yang diadakan di Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak.

Sumber gambar: Unit Komunikasi Awam Sarawak, Jabatan Premier Sarawak

Sekalung penghargaan & Terima kasih



YBHG. TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAJI HAMID BUGO

Ketua Pengarah dan warga Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengucapkan sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo atas khidmat bakti beliau sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia selama tiga (3) tahun bermula 1 Julai 2020 hingga 1 Julai 2023.

Pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia



Perpustakaan Negara Malaysia menzahirkan rasa sukacita dan merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada YBhg. Datuk Hajah Saraya Arbi atas pelantikan sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia berkuat kuasa 17 Julai 2023 hingga 16 Julai 2026.

Jawatankuasa International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)



Sekalung tahniah diucapkan kepada Puan Anisatul-Wahidah binti Abdul Wahid, Pengarah Perpustakaan Digital Negara (PERDANA) yang telah dipilih sebagai ahli Jawatankuasa International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) bagi International Standard Bibliographic Description (ISBD) Review Group (2023-2027).

“Membina Malaysia MADANI berinspirasi Karya Agung Melayu”

Program Wacana Manuskrip Melayu merupakan 'signature' program anjuran Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. Siri ketiga Wacana Manuskrip Melayu telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2023 (Selasa). Program wacana ini dilaksanakan secara hibrid dan bersemuka di Aras 10, Menara PNM dan menerusi PNM TV Channel bertemakan "Membina Malaysia Madani berinspirasi Karya Agung Melayu". Tema ini bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 yang dipilih pada tahun ini iaitu "Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan"



Program ini bertujuan untuk memperkasakan konsep Malaysia Madani menerusi forum dan diskusi ilmiah berkaitan koleksi dan karya agung manuskrip Melayu, mengetengahkan karya-karya agung manuskrip Melayu seperti Hukum Kanun Melaka dan Hikayat Hang Tuah dan meningkatkan rasa kecintaan dan apresiasi terhadap manuskrip Melayu terutama kepada generasi muda untuk menghargai serta memelihara warisan sejarah dan budaya.

Dua (2) figura hebat ditampilkan iaitu YBhg. Datuk Zainal Abidin Borhan, Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan & Presiden GAPENA (Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia) yang membicarakan mengenai Adat Istiadat Melayu Melaka:

Kehidupan dan Kebitaraan dan YBhg. Datuk Profesor Madya Dr Wan Ahmad Fauzi Hashim dari Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC) yang mengupas manuskrip Melayu mengenai Hukum Kanun Melaka.

Naskhah Hikayat Hang Tuah (MSS 1713) dan Hukum Kanun Melaka (MSS23) merupakan dua (2) karya agung Melayu yang mempunyai nilai ilmu yang tinggi dan merupakan pembentuk dan cerminan budaya sepanjang zaman. Selain itu, program ini diharapkan dapat menyebarluaskan kepada masyarakat mengenai pengiktirafan UNESCO terhadap karya klasik Melayu sebagai dokumen warisan dunia.



YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Borhan mengulas lanjut mengenai Adat Istiadat Melayu Melaka: Simbol Sebuah dengan Kebitaraan.



Jualan buku terbitan PNM menawarkan diskaun menarik sempena Program Wacana Manuskrip Melayu Bil. 3/2023.



Encik Muhammad Suhail Ahmad dari Grup Penjejak Tamadun Dunia (GPTD) mengajukan soalan mengenai kewujudan cordified law pada zaman pra islam.

PETUGAS KAUNTER *Cemerlang* PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Tahniah diucapkan kepada Puan Izlin Ahmad dan Puan Hazurita Totor atas kecemerlangan mereka dalam menjalankan tugas di kaunter perkhidmatan pada bulan April hingga Jun bagi tahun 2023.

Diharapkan penganugerahan ini dapat memberi semangat kepada semua petugas kaunter untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna perpustakaan.



Wacana Manuskrip Melayu

SIRI 1/2023

**"Tumbuhan Herba dan Perubatan:
Sudut Pandang Ilmu Sains
dan Agama"**

22 MEI 2023 (ISNIN)

10:00 PAGI HINGGA 12:45 TENGAH HARI



Dr. Nik Musa'adah Mustapha
Ketua Makmal Biologi
Program Bioprospek
Bahagian Hasil Semula Jadi
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Dr. Amer Hudhaifah Hamzah
Pensyarah Kanan,
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Malaysia Sabah (UMS)

WACANA MANUSKRIP MELAYU BIL. 1/2023 "TUMBUHAN HERBA DAN PERUBATAN: SUDUT PANDANGAN ILMU SAINS DAN AGAMA"

Program Wacana Manuskrip Melayu Bil.1/2023 bertemakan "Tumbuhan Herba dan Perubatan Herba dan Perubatan: Sudut Pandang Ilmu Sains dan Agama" telah dilaksanakan pada 22 Mei 2023 secara dalam talian menerusi PNM TV Channel.

Siri wacana kali ini menghuraikan mengenai sifat dan ciri-ciri tumbuhan herba, kebaikan dan kemudaratannya seperti yang terkandung di dalam manuskrip Kitab Tib yang merupakan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai panduan kita dalam kehidupan seharian.

Moderator pada sesi ini adalah Puan Puteri Nur'ain Megat Mohamad Tahir, Penolong Pengarah Bahagian Pembinaan Koleksi dan dua (2) orang panel jemputan iaitu Dr. Nik Musa'adah Mustapha, Ketua Makmal Biologi, Program Bioprospek, Bahagian Hasil Semula Jadi, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Dr. Amer Hudhaifah Hamzah, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Menurut Dr. Nik Musa'adah, perubatan Melayu, materia medika dinyatakan secara terperinci dan penting dalam kaedah menyediakan ramuan perubatan herba untuk menghasilkan ekstrak optimum. Dr. Amer Hudhaifah menegaskan bahawa perubatan Melayu Tradisional menurut perspektif Islam tidak boleh menggunakan bahan dari unsur-unsur haram.

WACANA MANUSKRIP MELAYU BIL. 2/2023 "ILMU GASTRONOMI MELAYU: PURI KENCANA PNM"

Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan Program Wacana Manuskrip Melayu Bil.2/2023 pada 6 Jun 2023. Program wacana ini dilaksanakan secara dalam talian menerusi PNM TV Channel menegenahkan tema "Ilmu Gastronomi Melayu: Puri Kencana Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)".

Antara takrifan gastronomi secara dasarnya merupakan kefahaman tentang mencipta, menyediakan dan menyiapkan resepi masakan yang merangkumi teknik, penggunaan bahan dan kaedah yang terhasil daripada pemerhatian, pemantauan dan kaitannya dengan sesuatu budaya masyarakat tempatan.

Kedudukan ilmu gastronomi dalam kepustakaan ilmu tradisional oleh masyarakat zaman dahulu dan direkodkan dalam manuskrip melayu untuk diwarisi dan dimanfaatkan generasi kini. Ia merupakan kesepaduan akal budi yang mencipta himpunan pengetahuan silam yang merupakan identiti bangsa yang perlu dipulihara, dilestari dan diwarisi.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Wacana Manuskrip Melayu

ILMU GASTRONOMI MELAYU : PURI KENCANA PNM

BIL. 2/2023

6 Jun 2023 (Selasa)
10:00 pagi hingga 12:00 tengah hari

**SIARAN LANGSUNG
PNM YOUTUBE**

PENCERAMAH
YBrs. Prof. Madya Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia (UPM)

MALAYSIA MADANI **Kembara PERPADUAN**



Majlis Penutup Program **PENSIJILAN KONSERVASI MANUSKRIP MELAYU**

Majlis Penutup Program Pensijilan Konservasi Manuskrip Melayu telah disempurnakan oleh YBr. Prof. Madya Dr. Mohd. Azman bin Hashim@Ismail, Dekan Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia pada 21 Julai 2023 bertempat di Aras 10, Menara PNM. Turut hadir YBr. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.



YBr. Prof. Madya Dr. Mohd. Azman bin Hashim@Ismail, Dekan Institut Sains Islam, USIM menyampaikan ucap terna perasmian penutup.

Program Pensijilan Konservasi Manuskrip Melayu merupakan kerjasama antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) khususnya melalui Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM). Program persijilan ini telah berlangsung selama 3 minggu bermula dari 4 hingga 21 Julai 2023.

Program yang julung kalinya diadakan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan latihan kepada 43 orang peserta dari pelbagai universiti, hasil geran Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Program Kementerian Pengajian Tinggi-Pensijilan Profesional (KPT-PACE).

Pengisian program ini menggabungkan teori dan amali mengenai aspek pemeliharaan dan pemuliharaan naskhah manuskrip/bahan warisan serta memupuk minat generasi muda untuk melestarikan peradaban bangsa dan negara. Peserta telah disajikan dengan perkongsian ilmu bersama pakar industri, Bengkel Pemeliharaan dan Pemuliharaan Manuskrip Melayu, Amali dan Transliterasi Teks dan Aktiviti Pengkayaan Ilmu melalui beberapa siri lawatan berpandu ke luar PNM.

PERPUSTAKAAN DESA



KLIK 
eUSAHAWAN@PD



YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program Pemerksaan Projek Ekonomi Komuniti Rukun Tetangga Negeri Pahang dan melancarkan Program Klik e-Usahawan di Perpustakaan Desa Kampung Panching, Kuantan, Pahang pada 13 Julai 2023 bersempena dengan lawatan kerja rasmi beliau.

Program Klik eUsahawan merupakan kolaborasi di antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bertujuan untuk melahirkan usahawan muda dan membantu menggunakan platform media sosial bagi mempromosikan produk-produk keusahawanan.

Menerusi program ini, PNM melalui Perpustakaan Desa (PD) menyediakan kemudahan tempat latihan akan disediakan kepada golongan muda dan masyarakat setempat yang berminat menceburi bidang keusahawanan melalui perpustakaan desa yang lebih kondusif dan selesa.

Modul eUsahawan merangkumi latihan pembelajaran luaran dan dalam talian untuk melatih individu, pelajar dan usahawan mikro dalam keusahawanan digital. Penggunaan PD secara optimum dapat membantu meningkatkan sosioekonomi komuniti setempat.

YB Menteri Perpaduan Negara berkata, "Kementerian Perpaduan Negara menerusi Perpustakaan Negara Malaysia akan sentiasa mengorak langkah mengetengahkan idea-idea baharu yang dapat membantu membangunkan komuniti setempat".

Antara yang sedang dirancang adalah untuk menjadikan Perpustakaan Desa sebagai pusat tuisyen bagi pelajar - pelajar yang akan menduduki peperiksaan.

Program ini akan turut dilaksanakan dan diperluaskan ke 506 buah Perpustakaan Desa di bawah seliaan PNM seluruh negara secara berkala seiring dengan perkembangan dan penggunaan teknologi digital masa kini.





Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan merupakan tema bagi Hari Kebangsaan bagi tahun 2023. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan program Semarak Merdeka: Warisan dan Wawasan bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Program kemerdekaan ini dilaksanakan pada 15 Ogos 2023 secara bersemuka di Aras 10, Menara PNM dan menerusi PNM TV Channel.

Objektif program ini adalah:

- Menghayati konsep "Malaysia MADANI" seperti mana tema Hari Kebangsaan 2023 yang ke-66 iaitu Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan;
- Menyemarakkan rasa cinta pada negara dalam kepelbagaian bangsa dan agama rakyat Malaysia;
- Memupuk semangat patriotik dalam masyarakat Malaysia terutama generasi muda dengan harapan mereka akan lebih menghargai kemerdekaan yang telah dikecapi selama ini;
- Memastikan masyarakat Malaysia menyedari tentang betapa sukarnya perjuangan mendapatkan kemerdekaan; dan
- Mempromosi Perpustakaan Negara Malaysia sebagai gedung ilmu dan keintelektualan negara

Moderator bagi sesi penghayatan kemerdekaan ini menampilkan Dr. Ahmad Kamal bin Ariffin, Ketua Jabatan Pengurusan HEM & Kaunseling, Institut Aminudin Baki bersama dua (2) orang panel berwibawa iaitu Dr. Farid bin Mat Zain, Pensyarah Kanan Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan YBrs. Dr. Amerjit Singh a/l S. Bhag Singh, mantan Pengarah Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Putrajaya

Secara keseluruhannya, program seumpama ini mampu untuk mendorong masyarakat menghargai sejarah dan mengukuhkan nilai-nilai murni serta memantapkan semangat perpaduan dalam kepelbagaian budaya rakyat Malaysia yang sudah sedia terjalin sejak awal kemerdekaan dahulu.





Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan Festival Sastera Kanak-kanak (FSK) Tahun 2023. FSK tahun ini merupakan penganjuran tahun keenam yang telah berlangsung selama dua (2) hari pada 23 dan 24 Ogos 2023 bertempat di Perpustakaan Negara Malaysia.

FSK melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Rakan strategik utama FSK adalah Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja (MBBY), Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaya (UM).

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha KPN.

"Saya amat menghargai dan menyokong penuh usaha PNM penganjuran FSK kerana program yang dilaksanakan ini selari dengan aspirasi Kementerian untuk memupuk semangat perpaduan dan memperkasa rakyat melalui pengisian aktiviti didik hibur dan pembelajaran sepanjang hayat kepada golongan kanak-kanak dan remaja" ujar YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim dalam ucapan perasmian beliau.

Segmen perkongsian ilmu Bicara Sastera FSK: Masa Depan Sastera Kanak-kanak di Malaysia menampilkan dua (2) orang panel berpengalaman luas iaitu:

1. YBhg Dato' Ahmad Redza bin Ahmad Khairudin, Presiden Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY).
2. YBrs. Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhammad Affendi, Ketua Jabatan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Dato' Ahmad Redza bin Ahmad Khairudin menyeru penerbit untuk memainkan peranan dengan melakukan penyelidikan dari segi daya penarik di pasaran. Menurut Prof. Madya Dr. Nik Rafidah, selain penyediaan dana penerbitan yang munasabah, sastera kanak-kanak perlu dipromosikan kerana ia merupakan unsur penting dalam pembentukan masa depan negara.

Program ini berkonsepkan santai ilmu dan didik hibur bagi memudahkan pendekatan yang lebih relaks dan mudah diterima oleh kanak-kanak dalam perkongsian cerita, ilustrasi dan aktiviti interaktif yang disajikan. Justeru, pelbagai aktiviti-aktiviti interaktif dan menarik telah dirangka untuk pelbagai peringkat umur menerusi pengisian aktiviti seperti berikut:

- Bengkel/Ceramah/Bual Bicara/Sesi Diskusi Ilmu
- Sesi Bercerita/aktiviti interaktif kanak-kanak bersama keluarga
- Pameran Perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia
- Jualan Buku dan Kit Pembelajaran Kanak-Kanak

Selain itu, turut diadakan Pertandingan Bercerita Kanak-kanak bertemakan "Cerita Warisan Kita" yang berkonsepkan penceritaan perpaduan. Pertandingan ini terbuka kepada kanak-kanak yang berumur 7 hingga 12 tahun secara dalam talian.

Antara pengisian aktiviti bengkel untuk guru-guru tadika/ prasekolah adalah seperti berikut:

- Bengkel Buku Bergambar
- Bengkel Penulisan Sastera Kanak-Kanak
- Bengkel Penulisan dan Ilustrasi Buku Kanak-Kanak
- Bengkel Teknik Bercerita Untuk Kanak-Kanak
- Bengkel Teknik Bercerita Untuk Remaja dan Dewasa
- Bengkel Penghasilan Silent Book (Kanak-Kanak Kurang Upaya Pendengaran)
- Bengkel Menghasilkan Buku Tactil (Kanak-Kanak Kurang Upaya Penglihatan)
- Bengkel Buku Pop-Up
- Bengkel Melukis Komik
- Bengkel Origami

FSK dilihat dapat memberikan ruang dan peluang kepada pemain industri perbukuan kanak-kanak negara terus berkembang seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hub sastera kanak-kanak di rantau Asia Tenggara.



阅读中国 Membaca China
Tun Dr. Ismail Hall, Level 2, WTCKL



PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR





Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2023 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 27 Mei 2023 (Sabtu) bertempat di Pentas Utama, Aras 2 Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.

Turut hadir dalam majlis ini adalah Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek; Timbalan Menteri Pendidikan, YB Lim Hui Ying; Pengerusi Pengelola PBAKL 2023, YBrs Encik Mohd Khair Ngadiron; Wakil Kerajaan Republik Rakyat China, TYT Zhang JianChun; Timbalan Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak, YBhg Datu Dr Rashidah Bolhassan dan pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

PBAKL 2023 telah berlangsung selama 10 hari bermula 26 Mei hingga 4 Jun 2023 menampilkan lebih 800 reruai. Negara tamu pada tahun ini merupakan negara China, Negeri Sarawak selaku negeri tamu dan KPM sebagai Kementerian Tamu.

PENYERTAAN PNM@PBAKL 2023

PNM turut menyertai PBAKL 2023 dengan mengadakan jualan buku terbitan PNM dan aktiviti promosi perkhidmatan PNM kepada pengunjung. Reruai PNM terletak di L059 – L063B Legar Putra, Aras 2, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Selain aktiviti utama jualan buku terbitan PNM, aktiviti-aktiviti yang turut diadakan di reruai PNM sepanjang PBAKL berlangsung selama 10 hari bermula dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam adalah seperti berikut:


- Pendaftaran keahlian u-Pustaka;
- Terimaan penyerahan bahan perpustakaan bawah Akta 331;
- Pameran Manuskrip Melayu;
- Demonstrasi penggunaan pangkalan data;
- Promosi kajian Profil Membaca Kebangsaan 2022/2023
- Tayangan video perkhidmatan PNM;
- Kios Digital PNM.

Sepanjang tempoh PBAKL berlangsung, sebanyak 163 buah buku dijual dan buku berjudul Hikayat Hang Tuah (kulit nipis) menjadi buku terlaris dibeli oleh pengunjung iaitu sebanyak 18 buah naskah dengan hasil jualan berjumlah RM720.00.

Pameran Manuskrip Melayu pula mempamerkan dua (2) buah naskah manuskrip iaitu Hikayat Hang Tuah (MSS1713) dan manuskrip tertua dalam koleksi PNM iaitu Khalq Al-Samawat Wa Al-Ard (MSS1517). Di samping tu, maklumat mengenai pengiktirafan UNESCO terhadap Manuskrip Hang Tuah sebagai *Memory of the World* turut dipamerkan.



PNM@PBAKL 2023



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

MALAYSIA
MADANI

KAJIAN
PROFIL MEMBACA
RAKYAT MALAYSIA 2022/2023
BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

Anda seorang pembaca?
Ayuh sertai Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022 /2023.
Penyeretaan anda akan menyumbang kepada data profil dan
trend membaca rakyat Malaysia.

Pelbagai hadiah menarik bakal dimenangi oleh peserta bertuah

Sila imbas kod QR untuk penyeretaan

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.pnm.gov.my/>

www.pnm.gov.my | #perpaduannegara | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnykuba | PNMrasmi | pmsuramada2 | pnm_rasmi

KAJIAN PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA 2022/2023

Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2023 dapat mewujudkan satu profil membaca yang terkini dan dapat digunakan sebagai indikator kebangsaan dalam menilai tahap literasi Malaysia dan sebagai asas pengukuran negara maju.

Kajian profil ini dijalankan secara berfasa selama lapan (8) bulan. Fasa 1 (September – Oktober 2022) adalah untuk penyediaan instrumen kajian dan kutipan data secara dalam talian, manakala Fasa 2 (Mac – Ogos 2023) adalah untuk kutipan data secara dalam talian dan bersemuka, analisis data, serta penyediaan laporan akhir kajian.

Kajian ini melibatkan rakyat Malaysia dari kawasan bandar dan luar bandar seluruh negara yang berumur 5 tahun dan ke atas dari pelbagai latar belakang demografi penduduk. Ia juga mengambil kira trend semasa pembacaan masyarakat Malaysia yang meliputi kedua-dua medium; bercetak dan elektronik/digital.

Objektif utama kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 adalah:

- Mengenal pasti tabiat membaca rakyat Malaysia mengikut lokasi, jenis bahan bacaan, bahasa bahan bacaan, kumpulan umur, jantina dan kekerapan membaca;
- Mengenal pasti perubahan minat dan trend membaca terkini rakyat Malaysia terhadap pelbagai sumber bahan bacaan dan perkhidmatan perpustakaan yang disediakan;
- Mengkaji Impak Program Galakan Membaca dalam mempengaruhi minat membaca rakyat Malaysia; dan
- Mengenal pasti isu-isu, masalah dan korelasi di antara industri perbukuan dengan minat membaca rakyat Malaysia.

Dapatan kajian ini dapat membantu perkembangan industri perbukuan dalam merangka satu dasar dalam penyediaan bahan-bahan bacaan yang diminati oleh rakyat Malaysia.

Manuskrip Melayu dituliskan sebagai karya bernilai tinggi, menggunakan slip-jawi dan berbahasa Melayu yang ditulis di atas kertas, kulit binatang, daun lontar, baluh, gasing, kayu dan kain. Manuskrip Melayu dihasilkan secara oral-awalya dalam lingkungan abad ke-16 Masihi dan selanjutnya awal abad ke-20 Masihi.

Perpustakaan Negara Malaysia telah diumumkan sebagai Pusat Kebangsaan bagi manuskrip Melayu di Malaysia oleh Menteri Pendidikan, Belia dan Sukan pada 10 Oktober 1983, semasa 'Minggu Manuskrip Melayu' di Dewan Bahasa dan Pustaka. Peristiwa tersebut dilaksanakan berkesinambungan dengan Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1985 sebagai 'Pusat Manuskrip Melayu'.

Bahan Nafie merupakan bahan yang diterbitkan sebelum tahun 1950-an dan atau saka diperolehi, terbitan babu cetak atau nada dalam pautan. Bahan ini merupakan khazanah warisan lisan yang memuatkan maklumat penting berkaitan sejarah awal sosio-budaya, ekonomi, bahasa, agama, kepercayaan, politik, dan Nusantara Alam Melayu merangkumi Tanah Melayu, Negeri-Negeri Selat, Persekutuan Tanah Melayu dan Kepulauan Riau.

Perpustakaan Negara Malaysia telah memulakan projek Nafie sejak tahun 2010 dan dilaksanakan di seluruh negara ini. Projek ini memulakan khazanah lisan yang kaya ini.



KUNJUNGAN HORMAT PERPUSNAS

PERPUSTAKAAN NASIONAL REPUBLIK INDONESIA

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menerima kunjungan hormat daripada Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PERPUSNAS) pada 8 Julai 2023. PNM amat berbesar hati atas kunjungan dan salam silaturahmi dari YBrs. Prof. Dr.-Ing. Wardiman Djojonegoro (Mantan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia/Dewan Pakar IKON & MoW-Indonesia), YBrs. Dr. Ahmad Masykuri M. Ali Sudarmo (Pustakawan Utama PERPUSNAS) serta Puan Haniatur Rosyidah Sutiyono (Pustakawan PERPUSNAS).

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan tentang pencalonan bersama manuskrip Melayu naskhah Hamzah Fansuri dan Kitab Tib ke dalam Daftar *Memory of The World (MoW)*.



YBrs. Puan Salasiah Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menyantuni delegasi PERPUSNAS.

Turut hadir dalam kunjungan ini adalah YBrs. Prof. Dr. Noriah Mohamed (Pakar Rujuk Manuskrip Melayu, Naskhah Hamzah Fansuri), Tuan Werry Kusyanto (Atase Pendidikan, Kedutaan Besar Republik Indonesia) serta Kurator Jabatan Warisan Negara (Department of National Heritage).

Pasukan kerja PERPUSNAS juga menjalankan proses verifikasi secara fizikal naskhah-naskhah yang dicalonkan bagi memenuhi syarat-syarat UNESCO dan diluluskan oleh *International Advisory Committee (IAC)*.



Proses verifikasi naskhah yang dicalonkan dalam daftar *Memory of The World (MoW)*.

Kenduri Rakyat @PNM

PUSPANITA Cawangan Kecil PNM dengan kerjasama Kelab PNM telah menganjurkan Kenduri Rakyat@PNM pada 14 Ogos 2023 bersempena bulan Muharam 1445H.

Daripada mengupas bawang, menghiris bawang, menghiris daun, memasak gulai kawah dan bubur asyura utara semuanya dibuat secara gotong-royong.

Program ini diadakan untuk menyemarakkan semangat kerjasama dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga PNM serta sukarelawan PNM.



MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015 BIL. 1/2023



Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 1 Ogos 2023 (Selasa) bertempat di Bilik Mesyuarat Lembaga, Aras 15 Menara PNM. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Puan Anisatul-Wahidah Abdul Wahid, Pengarah Pembangunan Koleksi selaku Timbalan Wakil Pengurusan PNM.

Pelaksanaan mesyuarat ini menjadi platform untuk memberi pengenalan dan objektif audit dan pengenalan barisan auditor. Mesyuarat turut membentangkan jadual audit, tatacara pelaksanaan audit dan semakan pantas OFI dari audit SIRIM terdahulu. Pengerusi turut menekankan tanggungjawab ISO adalah tanggungjawab bersama.

MESYUARAT PERPUSTAKAAN UNIVERSITI DAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PERPUN) BIL. 1/2023

Sekitar Mesyuarat Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (PERPUN) Bil. 1/2023 yang telah diadakan di PNM pada 8 Jun 2023 (Khamis) dan dipengerusikan oleh YBrs. En. Edy Irwan Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah mewakili Ketua Pengarah PNM.

PERPUN merupakan platform dan forum kerjasama dalam kalangan Ketua Perpustakaan Universiti dan Ketua Pengarah PNM dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan.



KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH IKIM

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM, YBrs. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil bersama delegasi yang lain.

YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, KP PNM telah menyantuni Kunjungan Hormat ini yang diadakan pada 16 Jun 2023. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mengenal pasti potensi kerjasama strategik antara IKIM dan PNM, mendapatkan input dan pengalaman PNM dalam memelihara dan memulihara koleksi PNM, garis panduan, dasar dan pelaksanaan pendigitalan koleksi PNM dan mengenal pasti aktiviti promosi yg dilaksanakan oleh PNM.



KONTINJEN PERPADUAN MALAYSIA MADANI SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2023

Kontinjen Perpaduan Malaysia MADANI bersama-sama turut serta dalam acara Perarakan dan Perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2023 yang diadakan di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2023.

Seramai 39 orang warga kerja Perpustakaan Negara Malaysia menyertai Kontinjen Perpaduan Malaysia Madani Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023.



26 JUN 2023

MESYUARAT DAN LAWATAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (PROJEK PEMBANGUNAN PNM)





17 OGOS 2023

TOWN HALL PERBINCANGAN HALA TUJU PNM





Manuskrip Melayu ditakrifkan sebagai karya bertulis tangan, menggunakan skrip Jawi dan berbahasa Melayu yang ditulis di atas kertas, kulit binatang, daun lontar, buih, gading, kayu dan kam. Manuskrip Melayu dibincang secara analitis dalam lingkungan abad ke-16 Masihi dan selawat-kawanya awal abad ke-20 Masihi.

Perpustakaan Negara Malaysia telah diwujudkan sebagai Pusat Kebangsaan bagi manuskrip Melayu di Malaysia oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 10 Oktober 1983, semasa "Pertemuan Mengenal Manuskrip Melayu" di Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagi memastikan tanggungjawab tersebut dilaksanakan dengan lebih berkesan, satu bahagian khusus telah ditubuhkan dengan namanya di Perpustakaan Negara Malaysia pada awal tahun 1995 yang dikenali sebagai Pusat Manuskrip Melayu. Penubuhan pusat ini ditubuhkan oleh Jemaah Menteri pada 10 Julai 1995.

Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia

Bahan Nadi merupakan bahan yang diterbitkan sebelum tahun 1950-an dan atas asar diperolehi, terbitan buku cetak atau tidak dalam penerbitan. Bahan ini merupakan khazanah warisan lisan yang mempunyai nilai penting berikutan sejarah awal sains-budaya, ekonomi, bahasa, agama, kepertanian, politik, dan Nusantara. Manuskrip Melayu merangkumi Tanah Melayu, Negeri-Negeri Selat, Persekutuan Tanah Melayu dan Kepulauan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia telah memulakan pembangunan Koleksi Nadi sejak tahun 1971 dan dilaksanakan secara berterusan bagi memelihara khazanah warisan lisan Malaysia untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang.

Perpustakaan Negara Malaysia

MESYUARAT LEMBAGA PENASIHAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA BIL. 1/2023

Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM Bil. 1/2023 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid bin Bugo telah diadakan pada 23 Jun 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Lembaga, Aras 15 Menara PNM.

Warga PNM mengucapkan terima kasih dan selamat datang kepada lima (5) orang Ahli Lembaga Penasihat baharu Sesi Oktober 2022 hingga Oktober 2025 iaitu:

- (i) YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin bin Haji Yaacob
- (ii) YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang
- (iii) YBrs. Prof. Ts. Dr. Mohamad Noorman bin Masrek,
- (iv) YBrs. Prof. Dr. Abrizah binti Abdullah,
- (v) YBrs. Prof. Madya Dr. Zulkanain bin Abdul Rahman



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PERPUSTAKAAN DESA PNM

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua petugas Perpustakaan Desa PNM yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 telah dilaksanakan pada 13 Jun 2023 bertempat di *Cherengin Hills Convention & Spa Resort*.

Semoga anugerah ini dapat menjadi pembakar semangat untuk petugas perpustakaan desa terus menabur bakti dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.



LAWATAN KERJA MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH

YB Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif, JP Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, diiringi oleh YBhg. Datuk Zainudin bin Aman, Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) bersama delegasi telah mengadakan lawatan kerja ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada 15 Mei 2023. Turut hadir bersama ialah Puan Hajah Fatimah binti Abdillah, Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah.

YBrs. Puan Salasih binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM telah menyantuni lawatan kerja ini yang antara lain bertujuan untuk melihat dan mengenal pasti peranan PNM serta bentuk jalinan kerjasama yang boleh dibuat antara PNM dan negeri Sabah khususnya dalam bidang perpustakaan & kepustakawanan.



JAWATANKUASA INTERNATIONAL FEDERATION OF LIBRARY ASSOCIATIONS AND INSTITUTIONS (IFLA) 2023

Sekalung TAHNIAH diucapkan kepada wakil Malaysia yang dipilih sebagai Jawatankuasa International Federation of Library Associations dan Institutions (IFLA) 2023.

- (i) Encik Edy Irwan bin Zulkaflī - Professional Section Standing Committee of National Libraries (2023-2027)
- (ii) Puan Ruzilah binti Ehsan - Professional Section Standing Committee of Cataloging (2023-2027)
- (iii) Encik A Azli bin Abd Rahim - Professional Section Standing Committee of Government Library (2023-2027)
- (iv) Datu Dr. Hajah Rashidah binti Bolhassan - Professional Section Standing Committee of Literacy and Reading (2023-2027)
- (v) Dr. Nor Edzan binti Che Nasir - Asia-Oceania Regional Division Committee (2023-2025)
- (vi) Puan Chin Loy Jyoon - Professional Section Standing Committee of Management of Library Associations (2023-2027)



HARI TERBUKA PARLIMEN

"Merakyatkan Parlimen, Warisan Negara" merupakan tema Hari Terbuka Parlimen yang berlangsung dari 6 hingga 7 Mei 2023 di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut mengambil bahagian sepanjang dua (2) hari program ini berlangsung. Pengunjung boleh mendapatkan maklumat mengenai tranformasi perpustakaan desa, koleksi buku YAB Perdana Menteri ke-10 dan maklumat mengenai Malaysia berasaskan buku-buku Nadir. Turut diadakan adalah pameran manuskrip Melayu, demonstrasi serta pendaftaran u-Pustaka dan jualan buku terbitan PNM.

YB Dato' Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 6 Mei 2023 dan telah meluangkan masa mengunjungi dan melihat sendiri pameran dan aktiviti yang diadakan di reruai PNM. Turut meninjau reruai PNM adalah YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM

BELASUNGKAWA



Seluruh warga Perpustakaan Negara Malaysia dengan rasa dukacita merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarhamah mantan Ketua Pengarah PNM, Dato' Zawiyah Baba yang telah kembali ke rahmatullah pada tanggal 19 Mei 2023 jam 8.05 pagi.

Pemergian Allahyarhamah merupakan satu kehilangan besar buat seluruh warga kerja PNM, dunia perpustakaan serta kepeustakawan pastinya. Semoga segala bakti yang telah ditabur mendapat keberkatan.

Semoga roh Allahyarhamah dicucuri rahmat Allah S.W.T. dan tergolong dalam kalangan mereka yang beriman. Al - Fatimah.



DI SEBALIK TABIR...

Di sebalik tabir, penggambaran sempena Program Dokumentari Panorama terbitan RTM TV1 telah dijalankan pada 21 Jun 2023. Sesi penggambaran tersebut merupakan rakaman bagi episod "Di Sebalik Nama - Manuskrip Tok Janggut dan Nilai Manuskrip Melayu".

EKSPLORASI DIGITAL @U-PUSTAKA



Bahagian Sumber Elektronik (BSE) telah melaksanakan sebanyak lima (5). Program Eksplorasi Digital sepanjang Mei hingga Ogos 2023. Program ini dijalankan bertujuan untuk mendidik pengguna mengakses pangkalan data dengan berkesan. Pangkalan-pangkalan data ini merupakan pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan diberi akses kepada pengguna secara percuma dan boleh diakses melalui www.u-pustaka.gov.my.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

EKSPLORASI DIGITAL @ U-PUSTAKA 2023
LATIHAN PANGKALAN DATA
OOKBEE BUFFET@PNM

LIVE
20 Julai 2023
Khamis
10.00-11.30 Pagi

Nabeel Ismay
OokbeeMY

Latihan Pangkalan Data Ookbee.
Jawab kuiz dan menangi hadiah bawcar Touch'ngo eWallet

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

EKSPLORASI DIGITAL
@ U-PUSTAKA 2023:
LATIHAN PRESSREADER

KHAMIS
10.00 PAGI HINGGA 11.30 PAGI
22 JUN 2023

DAVID CHOO | PENERJUS BAHAGIAN DIGITAL
LBS STORE MALAYSIA

BERSAMA
BERSAMA PNM@ LAWNET

www.pnm.gov.my | Perpustakaan@Malaysia | PNM_Razali | pnm_razali
pnytube | PNM@msn | flickr.pnmsarawak

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

EKSPLORASI DIGITAL @ U-PUSTAKA 2023:
LATIHAN PANGKALAN DATA
LAWNET

Secara dalam talian melalui pautan Google Meet

KHAMIS
08.07.23

10.00 - 11.30
PAGI

GOOGLE
MEET

Bersama PNM@ Lawnet:
Azriq Ezanle Satar
Senior Legal Editor
Muhammad Kamar
Sales Consultant

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

EKSPLORASI DIGITAL KEMERDEKAAN

Jom bersama Tok Tam menghayati arti perjuangan
dalam pengorbanan demi sakin kemerdekaan!

17 Ogos 2023 (Khamis)
10:00 pagi - 12:00 tengahari
PNM TV Channel

www.pnm.gov.my | Perpustakaan@Malaysia | PNM_Razali | pnm_razali
pnytube | PNM@msn | pnm@arabnews2

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BICARA INTELKTUAL SIRI I

Merakytakan Diplomasi
Dalam Era Malaysia Madani

Bersama

ENCIK MOHAMAD IKA DANIAL BIN ABDULLAH
PENLONG PENGARAH
PUSAT KAJIAN POLITIK DAN DIPLOMASI EKONOMI
INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI

Tarikh: 10 Ogos 2023 (Khamis)
Masa: 10.00 pagi - 12.00 tengah hari
Platform: PNM TV CHANNEL

SILA IMBAS
KOD QR INI UNTUK
PENDAFTARAN
Senjata Dijemput Hadir



SESI TEMU RAMAH RADIO SARAWAK

Encik Ali bin Rashid, Pengarah Perpustakaan Cawangan dan Komuniti, PNM sedang ditemu ramah di Radio Sarawak sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2023 Peringkat Kebangsaan pada 24 Mei 2023.

Beliau bersiaran langsung di reruai Radio Sarawak pada pukul 2.30 petang mempromosikan perkhidmatan dan pengisian aktiviti menarik di reruai PNM dan Amphitheatre Kuching Waterfront.



"MARI ADIK KE PD"

Program "Mari Adik ke PD" di Perpustakaan Desa Mengkuang Titi, (Zon P03) Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 26 Mei 2023 (Jumaat), dari pukul 9.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Seramai 13 org pelajar Tadika KEMAS Mengkuang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang telah menjalankan aktiviti Kraf Kreatif.

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH

Sekitar lawatan Kerja YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM ke Perpustakaan Desa Titi Teras Balik Pulau Pulau Pinang pada 25 Mei 2023 (Khamis).

Turut hadir mengiringi adalah Encik Mohamed Shahrizal Omar, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa.



Liputan Akhbar Mingguan Wilayahku

6 CATATAN KOTA BATU

26 MEI - 1 JUN 2023

Wilayah Ku

PNM dan pembangunan manusia



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

ANTARA tiga tempat yang sangat akrab dengan saya sejak zaman awal bekerja di Kuala Lumpur pada 1984 adalah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Balai Seni Lukis Negara (BSLN) dan Muzium Negara. Ketika-tiga tempat itu mempunyai hubungan yang rapat dengan kerjaya saya sebagai wartawan. Ketika itu PNM menyewa di Wisma SYS Jalan Raja Laut, sementara BSLN pula di Hotel Majestic di sebelah ibu pejabat Keretapi Tanah Melayu. Muzium Negara memang sudah di lokasi sekarang. Walaupun bagi sesetengah pihak tempat itu tidak popular, tetapi sebenarnya penting bagi sebuah bandar raya atau negara.

Ketiga-tiganya menjadi antara tanda aras dalam aspek pembangunan manusia khususnya berkaitan intelektual, akhlak, sejarah dan budaya. Di mana-mana negara sekalipun, kemajuan diukur pada prasarana fizikal dan keazaman membangunkan pemikiran manusianya.

Saya mula mengenali perpustakaan ketika masih kanak-kanak dalam darjah tiga tahun 1969. Ketika itu disebut khutub khamah. Walaupun buku dalam perpustakaan sekolah rendah itu tidak banyak, tetapi bagi saya sudah cukup lumayan. Sejak itu saya mengemari buku yang mencipta ruang eskapisme seorang kanak-kanak di kampung yang tersorok.

Apabila masuk ke sekolah menengah, saya berpengalaman menikmati perpustakaan yang jauh lebih besar dan buku yang banyak. Kemudian ketika remaja berjinak-jinak pula dengan Perpustakaan Awam Kangar. Semua perpustakaan itu memberikan pengalaman yang sangat menarik.

Apabila bekerja di Kuala Lumpur, antara perkara pertama yang saya cari adalah perpustakaan. D daripada maklumat kawan-kawan, saya menyusuri Jalan Raja Laut ke sebuah bangunan yang menempatkan PNM. Saya masih ingat lagi perpustakaan tiga tingkat yang tidak jauh dengan hiruk-pikuk Chow Kit.

K keadaan waktu itu memang tidak setanding dengan PNM di Jalan Tun Razak. Akan tetapi pada waktu itu sudah dianggap sangat hebat. Tanda aras utamanya



SEBAGAI sebuah perpustakaan awam nasional di negara ini, PNM menjadi institusi yang bertanggungjawab menyimpan catatan sejarah dan kebudayaan bangsa.

adalah mempunyai koleksi buku yang mencakupi pelbagai bidang kehidupan dan disiplin ilmu.

Di situah tempat saya menghabiskan masa cuti hari kelepasan. Selalu berlama-lama mencari buku yang boleh dipetik sebagai bahan rujukan untuk penulisan kewartawanan. PNM sangat membantu kerjaya saya yang menuntut penulisan dihasilkan dengan fakta yang betul.

Saya tidak pasti kaedah yang dilakukan oleh rakan-rakan wartawan lainnya, tetapi bagi saya di situah pusat rujukan yang memantapkan sesebuah karya kewartawanan. Pada masa yang sama mengakrabkan diri dengan buku yang mampu membuka jendela fikir sekali gus membebaskan pemikiran yang tertawan.

Malah saya pernah berkata kepada kawan-kawan bahawa kemerdekaan itu adalah kebebasan membaca buku-buku yang baik dan memberikan gagasan pemikiran yang baharu.

Hal itu bertepatan dengan keberadaan buku sebagai wadah yang mengalirkan semangat, kepercayaan dan keyakinan untuk membebaskan diri daripada belenggu keterikatan dalam berfikir. Perpustakaan menjadi pemangkin memahami makna kemerdekaan yang sebenar.

Malah sejarah silam pun ada tertulis tentang kisah tentera Tartar yang menyerang Damsyik pada tahun 699 Hijrah, dan tindakan utama yang dilakukan selain membunuh orang Islam ialah memusnahkan perpustakaan.

Mereka memusnah buku yang memberi kekuatan kepada rakyat Damsyik berdepan tekanan musuh.

Perpustakaan dalam konteks kita adalah gedung yang menyimpan ilmu merangkumi pelbagai bidang kehidupan. Maka keberadaan sesebuah perpustakaan bukan sekadar untuk tujuan penyelidikan, akan tetapi memanfaatkan ilmu yang boleh menyumbang pada pembangunan tamadun manusia.

Berdirinya sebuah perpustakaan, tidak kira sedai mana sekalipun adalah mencerminkan usaha membangunkan manusia pada sudut intelektual, akhlakinya serta rakaman sejarah ketamadunan bangsanya. Maknanya buku yang dimuatkan dalam sesebuah perpustakaan bukanlah benda mati, sebaliknya adalah biji benih yang boleh bercambah kepada individu yang memanfaatkannya.

Bangunan PNM yang baharu itu dibuka kepada orang ramai pada 1994. Reka bentuk bermotif tengkolok menjadi antara mercu tanda baharu Kuala Lumpur dan kedudukannya sederet dengan BSLN dan Istana Budaya di Jalan Tun Razak. Bermula tahun 1994 PNM melangkah ke era baharu yang menyediakan koleksi bahan yang lebih banyak.

Daripada sejarahnya, PNM diwujudkan melalui Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966 bawah Arkib Negara dan beroperasi di Bangunan Persekutuan di Petaling Jaya. Kemudian berpindah beberapa kali seperti di Bangunan UMBC dan Wisma SYS sebelum di

lokasi sekarang. Maknanya PNM telah merentasi pelbagai liku dan cabaran sebelum beroperasi di bangunan sendiri.

Statistik terkini menunjukkan PNM mempunyai 4.78 juta bahan merangkumi 4.52 juta bahan bercetak, 98,406 bahan tidak bercetak, 4,974 naskhah manuskrip Melayu dan 158,316 bahan digital.

Sebagai sebuah perpustakaan awam nasional di negara ini, PNM menjadi institusi yang bertanggungjawab menyimpan catatan sejarah dan kebudayaan bangsa. Masa yang sama adalah pustaka yang memelihara pencapaian intelektual bangsa yang diterjemah dalam bentuk cetak dan bukan bercetak – misalnya koleksi Malaysiana.

Selain koleksi berkaitan dengan negara ini atau Malaysiana, PNM juga mempunyai koleksi luar negara, manuskrip Melayu, bahan nadir, koleksi Harvard, koleksi Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan koleksi dalam format digital.

Manuskrip Melayu merupakan koleksi yang bernilai tinggi kerana dihasilkan dengan tulisan tangan dalam Jawi pada awal abad ke-16 hingga awal abad ke-20. Ditulis menggunakan bahasa rumpun dunia Melayu yang menyentuh mengenai alam dan tamadun Melayu.

Sekalipun bangunan motif tengkolok itu tidak tinggi mencucuk awan, akan tetapi peranannya dalam pembangunan intelektual dan budaya bangsa jauh lebih tinggi berbanding Menara Kembar KLCC – yang pernah memegang rekod tertinggi di dunia.

Tanda aras sebuah negara maju bukanlah gedung membeli belah terbesar atau pusat hiburan bertaraf antarabangsa, akan tetapi keazaman yang tinggi untuk mengubah tahap pemikiran bangsa.

Hal itu diperlihatkan dengan mendirikan perpustakaan, galeri seni dan muzium yang hebat. Keberadaan PNM adalah mengimbangkan pembangunan fizikal Kuala Lumpur dan keperluan serta pembangunan aspek manusianya. Kemodenan dalam gaya hidup tidak bermakna sekiranya pembangunan manusianya terabai.

PNM melaksanakan tanggungjawab itu dengan sempurna. Malah ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 dulu PNM terus berperanan seperti biasa melalui kempen 'Silalah duduk dan baca buku.'

Dalam keadaan orang ramai 'terkurung' dalam rumah, PNM mengambil langkah pantas menyediakan sebanyak 13.2 juta bahan bacaan digital secara percuma. Ini adalah langkah proaktif memastikan orang ramai terus membaca sekalipun hanya boleh bergerak dalam radius 10 kilometer.

Hingga kini saya terus mengunjungi PNM sekali-pun bangunan utama sedang dinaik taraf. Walaupun banyak bahan boleh diakses secara dalam talian, akan tetapi berada dalam persekitaran buku memberikan pengalaman yang menarik dan unik. PNM adalah salah satu tempatnya.



DI PUNCAK KINABALU

*Matahari dan aku
sama-sama mendaki
mengajar puncak
mengajar waktu.*

*Bezanya
matahari membakar tabus
menerangi denai dan batuan.*

*Aku
membakar ketakutan
menerangi ketidakpastian
menawan impian.*

A.AFFENDIO937 @ LEKIR
14 Mei 2023
Puncak Gunung Kinabalu.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Liputan Akhbar Berita Harian

BH ARAB 6 OGOS 2023

SASTERA PERSPEKTIF 35

Orang Malaysia tidak suka membaca hanya prasangka

Penularan COVID-19 jadi detik berkembangnya perpustakaan digital

Oleh Hafizah Iszahanid
hafizah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Prasangka mengenai tabiat membaca rakyat Malaysia yang dikatakan merudum sebenarnya tidak tepat jika diukur kepada jumlah peminjam bahan bacaan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Berdasarkan kajian PNM pada 2022, jumlah keseluruhan peminjaman bahan adalah sebanyak 695,488 naskhah merangkumi bacaan fizikal dan digital. Bagaimanapun, pinjaman bacaan digital lebih tinggi iaitu 71 peratus.

Data terbaharu itu jelas mematahkan banyak laporan sebelum ini yang masih torsekat pada angka lapuk misalnya, statistik pinjaman buku dari perpustakaan adalah hanya 0.13 peratus bagi keseluruhan penduduk. Sedangkan data yang dipetik itu sudah pun berusia lebih 10 tahun.

Malah, tidak kurang juga masih gemar memetik data sekitar 20 tahun lampau kononnya rakyat Malaysia hanya membaca dua naskhah buku setahun.

Ketua Pengarah PNM, Salasih Abdul Wahab, berkata secara umum, orang Malaysia masih



PNM masih merekod kunjungan awam dengan sejumlah 61,199 dicatatkan tahun lalu

Tabiat membaca generasi kini menjurus ke arah pendigitalan.

gemar membaca, apa yang membezakan adalah pengguna hari ini lebih berminat membuat peminjaman buku secara dalam talian berbanding manual.

Katanya, hal ini mungkin disebabkan penularan COVID-19 yang menyebabkan PNM juga perpustakaan lain di seluruh negara perlu ditutup kepada orang awam dalam tempoh lama.

"Namun ia menjadi titik mula perkembangan perpustakaan digital apabila pengguna mula menggunakan perkhidmatan digital secara aktif.

"Untuk tahun 2019, statistik peminjaman bahan digital adalah sebanyak 167,374. Statistik ini meningkat dengan mendadak dan peningkatan tertinggi adalah pada tahun 2021 iaitu sebanyak 242 peratus penggunaan," katanya.

Statistik meningkat

Tegas Salasih, meskipun perkhidmatan digital sudah diwujudkan sejak 2011 menerusi khidmat u-Pustaka, namun pengguna mula peka akan kewujudannya apabila berlaku penularan COVID-19.

Justeru katanya, sejak 2020 perkhidmatan digital mula dilihat berkembang dan semakin stabil penggunaannya.

Salasih berkata, statistik penggunaan bahan dalam talian meningkat sehingga 134.1 peratus pada tahun 2020 iaitu bersamaan 13,680,177 naskhah, berbanding tahun 2001 iaitu 10,198,051.

Angka itu katanya selari dengan statistik tahun 2022 yang merekodkan pengunjung ke PNM berjumlah 1.2 juta dengan 94.9 peratus adalah kunjungan maya. Malah kadar peminjaman bahan secara dalam talian untuk tahun sama juga meningkat sebanyak 695,488 naskhah.

"Sesudah PNM kembali beroperasi seperti biasa kadar pinjaman bacaan digital masih baik manakala, keseluruhan pinjaman bahan fizikal juga didapati meningkat tahun lalu

iaitu sebanyak 201,802 naskhah berbanding 101,336 pada 2021.

"Umumnya, genre yang paling banyak dipinjam adalah fiksyen diikuti teknologi, seni dan agama," katanya.

Bagaimanapun peningkatan kunjungan maya tegas Salasih tidak bermaksud jumlah pengunjung secara fizikal ke perpustakaan seluruh negara termasuk PNM mula merosot.

Sebaliknya, PNM masih merekod kunjungan awam dengan sejumlah 61,199 dicatatkan pada 2022. Daripada keseluruhan jumlah itu, 65.5 peratus adalah pengunjung dewasa dan bakiannya kanak-kanak.

Malah dalam kajian PNM juga, 506 perpustakaan desa di seluruh negara terus dikunjungi awam dengan seramai 439,851 orang direkodkan.

"Selain membuat pinjaman buku atau bahan rujukan, biasanya pengunjung ke PNM atas tujuan penyelidikan atau menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang lain selain tidak kurang atas sebab kunjungan rasmi.

"Dalam konteks perpustakaan desa pula, dapat dilihat dengan jelas kewujudannya adalah usaha kerajaan yang baik bagi menyediakan prasarana pembelajaran secara penerua kepada orang awam.

"Ia juga sebahagian usaha meningkatkan kadar literasi khususnya masyarakat luar bandar.

"Hal ini menunjukkan perpustakaan masih relevan dan terus dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat di kawasan bandar

maupun di desa," katanya.

Cenderung digital

Tegas Salasih, kesemua data ini menunjukkan tabiat membaca rakyat Malaysia kini boleh dikatakan sedang menjurus ke arah pendigitalan dan bergerak seiring dengan perubahan arus teknologi semasa.

Pengguna katanya, kelihatan cenderung menggunakan e-buku berbanding naskhah fizikal kerana lebih mudah dan cepat diakses selain senang dibawa.

Justeru katanya, PNM perlu sentiasa bersedia untuk melakukan perubahan bagi membina kecekapan dan menaik taraf kemudahan sedia ada.

"Teknologi baharu ini dapat merevolusikan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM namun ia memerlukan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi yang baik serta peruntukan mencukupi bagi mengubah perkhidmatan digital kerajaan," katanya.

Namun paling penting tegas Salasih, kecanggihan capaian kepada maklumat ini seharusnya selari dengan peningkatan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat.

"Justeru PNM membuat pelbagai usaha untuk membudayakan tabiat membaca meneruskan kempen dan aktiviti.

"Kempen memupuk tabiat membaca ini bukan hanya dihadkan kepada murid sekolah tapi sebenarnya perlu diterapkan kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan belia," katanya.



“Secara umum, orang Malaysia masih gemar membaca, apa yang membezakan adalah pengguna hari ini lebih berminat membuat peminjaman buku secara dalam talian berbanding manual”

Salasih Abdul Wahab





LAWATAN PESERTA KURSUS MCTP

Peserta kursus *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) 2023* yang bertajuk “Disaster Preparedness for Records and Archives Management” anjuran Arkib Negara Malaysia telah mengadakan lawatan pada 12 Julai 2023.

Seramai 11 orang peserta daripada lapan (8) buah negara serantau telah dibawa ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dan berpeluang melihat sesi pembelajaran Program Pensijilan Konservasi Manuskrip Melayu PNM & Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) oleh Bahagian Pemuliharaan.

INI WARISAN KITA - MELESTARIKAN PERPADUAN

Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan inisiatif 'Ini Warisan Kita' dalam usaha memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia serta menyegarkan kembali warisan pelbagai etnik untuk dihayati oleh generasi kini dan masa akan datang agar ia terus dipelihara zaman berzaman. Penyertaan PNM membawakan pameran Manuskrip Hikayat Hang Tuah dan juga promosi perkhidmatan PNM. Program ini berlangsung selama tiga (3) hari dari 7 hingga 9 Julai 2023 di IOI City Mall, Putrajaya.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA DARIPADA PEGAWAI BAGHIAN PENYELIDIKAN, JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

PNM telah menerima Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja daripada pegawai Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 3 Julai 2023 (Isnin) yang diketuai oleh Encik Shafril Azmi bin Shaharin, Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

MUTIARA KATA

“

Manusia tidak boleh berputus asa, sebaliknya mesti sentiasa mempunyai harapan walaupun keadaan itu benar-benar sia-sia dan hampa.

”

NOORDIN HASSAN

ANAK TANJUNG

DBP.2019



PROMOSI EKSA PNM



EKSA PNM

APA ITU EKSA

EKSA merupakan penjenamaan semula bagi Pelaksanaan Amalan 5S Sektor Awam dan bertujuan untuk meningkatkan budaya kecemerlangan organisasi yang lebih berimej korporat dan melahirkan idea, aktiviti kreatif dan inovasi.

01 OBJEKTIF

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif selamat dan amalan hijau ke arah meningkatkan imej korporat jabatan.

02

Mewujudkan budaya kerja yang ceria dan efektif bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi.

03

Meningkatkan motivasi, disiplin diri dan semangat kerja berpasukan yang cemerlang.



EKOSISTEM KONDUSIF PENJAWAT AWAM

5 MINIT JOM KEMAS DI SETIAP RUANG PEJABAT MASING-MASING



Sumber: Garis Panduan EKSA PNM

Pengakhiran tidak akan sempurna jika permulaannya dengan sambil lewa

JAWATANKUASA PROMOSI EKSA
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT



JOM JIMAT KERTAS TIPS PENGURANGAN PENGGUNAAN KERTAS

Menyampaikan surat/memo menerusi e-mel (kecuali dokumen penting)

Mencetak dokumen pada kedua-dua belah kertas

Mencetak dokumen pada saiz yang lebih kecil (A5)

Merincih dokumen sulit sahaja

Menggunakan semula muka belakang kertas terpakai

Mengumpul dan memasukkan kertas terpakai ke dalam tong kitar semula untuk dijual



EKSA JANGAN ABAIKAN



EKSA
TANGGUNGJAWAB
BERSAMA

TANGGUNGJAWAB WARGA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)


- BEKERJASAMA DALAM KUMPULAN
- MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIAGINKAN SECARA AKTIF
- BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENGEMAS TEMPAT KERJA SEPANJANG MASA
- MEMPUNYAI KESEDARAN MENGENAI PERSEKITARAN KERJA
- MEMBERI CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
- MEWUJUDKAN HUBUNGAN HARMONI DALAM KALANGAN AHLI

Sumber : Garis Panduan EKSA PNM

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
JAWATANKUASA PROMOSI EKSA PNM



KAEDAH PEMBELIAN BUKU TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 12 MENARA PNM, PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232 JALAN TUN RAZAK 50572 KUALA LUMPUR,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
03-2687 1700 EXT 1763/1876

Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

T. 603 2687 1700 | F. 603 2694 2490

www.pnm.gov.my

www.u-pustaka.gov.my



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

